

TH SUMBANG AMBULANS 4X4, PERKUKUH MISI KECEMASAN DAN BENCANA

KUALA LUMPUR, 26 NOVEMBER 2025: Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini menyumbangkan dua unit ambulans 4x4 kepada Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) bagi meningkatkan keupayaan operasi kecemasan dan bantuan kemanusiaan di seluruh negara khususnya di kawasan berisiko tinggi dan sukar diakses.

Sumbangan zakat wakalah **TH** bernilai RM570,000 ini membuktikan komitmen berterusan **TH** dalam menyokong usaha kemanusiaan dan kesiapsiagaan bencana, selari dengan peranannya dalam menjaga kebajikan ummah.

Ambulans tersebut akan memperkukuh kemampuan BSMM untuk menembusi kawasan pedalaman, laluan berbukit, lokasi banjir serta situasi bencana yang tidak boleh dimasuki ambulans biasa.

Keupayaan ini membolehkan pasukan perubatan BSMM memberikan rawatan awal dengan lebih pantas, terutama pada masa yang kritikal untuk menyelamatkan nyawa.

Dilengkapi peralatan perubatan penting seperti alat resusitasi, oksigen, Defibrilator Luaran Automatik (Automated External Defibrillator) dan kit trauma, ambulans ini berfungsi sebagai ruang rawatan bergerak yang mampu mengendalikan pelbagai kecemasan sebelum mangsa dipindahkan ke hospital. Ia juga menyokong operasi besar seperti banjir, tanah runtuh, misi mencari dan menyelamatkan serta bantuan komuniti luar bandar.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Tuan Haji Mustakim Mohamad berkata **TH** sentiasa komited membantu agensi seperti BSMM yang berada di barisan hadapan ketika bencana. Dengan penyerahan ambulans 4x4 ini, kami berharap lebih ramai mangsa dapat dibantu dengan lebih cepat dan berkesan, khususnya di kawasan yang sebelum ini sukar dicapai.

"**TH** percaya penambahan aset ini akan mengukuhkan jaringan bantuan antara **TH**, BSMM dan agensi penyelamat lain, sekaligus memastikan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan," tambah Tuan Haji Mustakim.

Setiausaha Agung BSMM, Dato' Danial Iskandar Abdul Rahman pula menzahirkan penghargaan atas sumbangan **TH** dan menyatakan sumbangan ambulans 4x4 ini amat bermakna kepada BSMM kerana ia terus meningkatkan keupayaan bertindak dalam situasi kecemasan, terutama di kawasan pedalaman dan zon bencana.

"Ambulan 4x4 ini memberi kami fleksibiliti dan keupayaan bergerak yang lebih baik, sekali gus memastikan mangsa menerima rawatan segera dan selamat. Kami amat menghargai sokongan **TH** terhadap usaha kemanusiaan yang menjadi teras perjuangan BSMM," kata beliau lagi.

BSMM mempunyai lebih 240,000 sukarelawan dan 179 cawangan seluruh negara dan merupakan antara organisasi kemanusiaan terbesar di Malaysia. Setiap tahun, BSMM mengendalikan lebih 14,000 panggilan kecemasan, 86 operasi ambulans, dan menyantuni lebih 1,500 penerima manfaat melalui program bantuan kesihatan komuniti, kesiapsiagaan bencana, dan respons kemanusiaan. BSMM turut terlibat dalam misi bantuan antarabangsa termasuk di rantau Asia Tenggara ketika berlaku krisis kemanusiaan.

Dalam musim banjir besar tahun-tahun lalu, ambulans dan pasukan BSMM sering menjadi antara pasukan yang terawal tiba di lokasi bencana. Ada situasi di mana pasukan terpaksa meredah air separas pinggang dan membawa mangsa warga emas menggunakan pengusung secara manual kerana laluan tidak boleh dimasuki kenderaan biasa.

-TAMAT-